

25/02/2003

63 pemimpin hadir sidang

KUALA LUMPUR: Seramai 31 ketua negara dan 32 ketua kerajaan menghadiri Sidang Kemuncak NAM ke-13 yang bertemakan 'Meneruskan Penyuburan Semula NAM' di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), semalam.

Mereka termasuk Presiden Cuba, Fidel Castro; Presiden Afrika Selatan, Thabo M Mbeki; Presiden Pakistan, Pervez Musharraf; Presiden Afghanistan, Abdul Hamid Karzai; Perdana Menteri India, Atal Bihari Vajpayee dan Presiden Iran, Sayyed Mohammad Khatami.

Ketibaan ketua negara, ketua kerajaan dan delegasi antara jam 8 hingga 9.55 pagi disambut dengan persembahan kumpulan gendang rebana ubi di luar pintu masuk ke PWTC.

Sebaik memasuki ruang menunggu, mereka yang disambut Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dipersembahkan dengan alunan muzik Lagu Berjalan oleh pemain serunai, gendang ibu, gendang anak dan tetawak selain disambut 50 gadis berpakaian tradisional yang melambangkan kekayaan budaya negara.

Ketua negara dan ketua kerajaan kemudiannya diiringi memasuki dewan persidangan tepat jam 10 pagi oleh gadis yang berpakaian tradisional yang membawa tepak sirih serta bunga pahar diketuai Bentara selaku ketua upacara yang turut membawa keris.

Sidang Kemuncak NAM ke-13 dimulakan dengan persembahan lagu tema NAM kali ini NAM Shall Lead the Way yang dipersembahkan oleh Khatijah Ibrahim dan diiringi 60 ahli kumpulan koir kebangsaan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan.

Sebaik saja sidang bermula, Presiden Afrika Selatan, Thabo M Mbeki mengisytiharkan pembukaan sidang kemuncak berkenaan diikuti dengan meminta perwakilan bertafakur seketika bagi mengenang pemimpin-pemimpin terdahulu.

Selepas itu, beliau membentangkan laporan mengenai kemajuan pergerakan berkenaan dari September 1998 hingga Februari 2003 sebelum menyerahkan jawatan pengerusi sidang kemuncak sekarang kepada Malaysia.

Sebagai tanda penyerahan tugas pengerusi, Mbeki kemudiannya menyerahkan tukul kepada Dr Mahathir.

Ini diikuti ucapan Dr Mahathir sebagai pengerusi yang baru, kemudiam disusuli ucapan Pengerusi Kumpulan 77 (G77), Raja Mohammed VI serta ucapan wakil empat wilayah, Afrika, Asia, Eropah dan Amerika Latin/Carribbean, sebelum perbahasan umum dimulakan.